

Nama Vaksin	Date Given
Sangat Digalakkan	
Pneumokokal (PCV13)	
Hemophilus Influenza Jenis B (Hib)	
Meningococcal (MCV4) Dos Pertama	
Meningococcal (MCV4) Dos Kedua	
Pneumococcal (PPSV23)	
Tidak Diwajibkan	
Meningococcal (Men B) Dos Pertama	
Meningococcal (Men B) Dos Kedua	

Department of Pharmacy
TTSH Medical Centre, Level B2

Contact:

8771 7955 (Duty Hotline)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <http://bit.ly/TTSHHealth-Library>

Was this information helpful?


Please feel free to email us if you have any feedback regarding what you have just read at patienteducation@ttsh.com.sg



© Tan Tock Seng Hospital, Singapore 2022. All rights reserved. All information correct as of December 2022. No part of this document may be reproduced, copied, reverse compiled, adapted, distributed, commercially exploited, displayed or stored in a database, retrieval system or transmitted in any form without prior permission of Tan Tock Seng Hospital. All information and material found in this document are for purposes of information only and are not meant to substitute any advice provided by your own physician or other medical professionals.

Bahagian
Pembedahan Am dan Farmasi

Vaksinasi Splenektomi



Apakah Itu Splenektomi?

Splenektomi adalah prosedur pembedahan untuk membuang organ limpa yang berpenyakit atau rosak. Limpa terletak di bahagian kiri paling atas abdomen. Limpa yang sihat melindungi badan kita daripada parasit dalam sel darah merah (sebagai contoh, malaria dan babesia) dan lain lain jangkitan.

Apakah Sebabnya Limpa Saya Harus Dibuang?

Pembedahan kecemasan pembuangan limpa disebabkan:

- Kecederaan pada limpa menyebabkan pendarahan yang tidak dapat dikawal
- Pecah secara spontan pada limpa (sangat jarang berlaku)

Pembedahan elektif pembuangan limpa disebabkan:

- Pesakit yang menghidapi penyakit gangguan darah (sebagai contoh, Idiopati Trombositopenia 'purpura' (ITP), anemia hemolitik, hereditary spherocytosis)
- Darah beku di dalam saluran darah pada organ limpa
- Merebaknya sesuatu penyakit ke tahap lanjut (sebagai contoh, Hodgkin's disease)
- Mengawal gejala seseorang pesakit yang menghadapi limpa yang semakin membesar
- Pengawalan penyakit bagi pesakit yang menghidapi leukemia/barah (sebagai contoh, hairy cell leukemia)
- Pembedahan untuk membuang ketumbuhan di bahagian limpa

Adakah Saya Akan Lebih Mudah Jatuh Sakit Selepas Limpa Saya Dibuang?

Anda menghadapi risiko jangkitan serius yang lebih tinggi, berbanding dengan orang kebanyakan yang sihat, sepanjang hayat anda, terutamanya pada tiga tahun pertama selepas pembedahan splenektomi. Bagaimanapun, tubuh anda akan tetap mampu menangani kebanyakan jangkitan kerana anggota limpa hanya membentuk salah satu daripada sistem dayan tubuh.

Apakah Yang Boleh Saya Lakukan Untuk Merendahkan Risiko Jangkitan?

Anda boleh merendahkan risiko jangkitan dengan mendapatkan vaksinasi yang diperlukan

1. Vaksinasi Pneumokokal

Vaksin ini akan mengurangkan risiko serius penyakit radang paru-paru dan lain-lain jangkitan paru-paru. Anda akan menerima dua suntikan vaksin pneumokokal, iaitu PCV13 dan PPSV23. Untuk PCV13, anda hanya memerlukan satu dos. Untuk PPSV23, anda akan memerlukan 2 dos, selang lima tahun.

2. Vaksinasi Influenza Haemophilus Jenis B (Hib)

Vaksin ini akan merendahkan risiko anda terhadap jangkitan akibat Hib. Hib secara lazimnya menyebabkan jangkitan di paru-paru (radang paru-paru), dan tisu yang meliputi bahagian saluran udara ("epiglottitis"), otak ("meningitis"), kulit ("cellulitis") dan sendi ("septic arthritis")

3. Vaksinasi Meningococcal

Vaksin ini akan merendahkan risiko anda daripada jangkitan yang disebabkan bakteria meningococcal, di mana ia menjelas otak ("meningitis") dan darah ("meningococcemia"). Vaksin-vaksin yang sedia ada ialah MCV4 (meliputi 4 jenis jangkitan) dan Men B (tidak diwajibkan)

Untuk MCV4, anda akan diberi 2 suntikan, sekurang kurangnya selang lapan minggu. Kemudian suntikan penggalak boleh diberikan setiap lima tahun. Untuk Men B (tidak diwajibkan), anda juga akan diberi dua dos sekurang kurangnya berselang dua bulan.

Anda harus mengambil perhatian bahawa vaksinasi ini tidak menjamin perlindungan sepenuhnya daripada jangkitan. Oleh itu, anda harus berjumpa doktor secepat mungkin jika anda berasa kurang sihat. Untuk pembedahan elektif splenektomi, anda harus menerima vaksin sekurang kurangnya dua minggu sebelum pembedahan.

Untuk pembedahan kecemasan splenektomi, pesakit berkenaan harus diberi vaksin sejurus selepas dibenarkan keluar dari hospital ataupun dua minggu selepas pembedahan splenektomi, di mana yang terdahulu.

Sebahagian vaksin tidak boleh diberi pada hari yang sama. Anda mungkin perlu menghadiri susulan pemeriksaan lanjut untuk melengkapai vaksinasi yang diperlukan. Pakar kesihatan anda akan memberi maklumat lanjut ketika berjumpa doktor.

Walaupun anda digalakkan mengambil vaksinasi secepat mungkin, ianya tidak digalakkan jika kehamilan atau jika anda mengalami jangkitan.

Apa Yang Harus Saya Lakukan Jika Saya Merasa Kurang Sihat?

Jika anda mengalami gejala-gejala tersebut, amat penting anda berjumpa doctor segera:

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Demam • Kegigilan • Batuk • Kesesakan nafas | <ul style="list-style-type: none"> • Kesakitan di bahagian perut • Kulit ruam, bengkak, kemerahan atau jangkitan • Cirit birit • Sakit badan atau kelelahan |
|--|---|

Ini adalah tanda-tanda bahawa anda mungkin menghidapi jangkitan. Anda harus memberitahu doktor mengenai pembedahan splenektomi anda. Tanpa limpa anda, jangkitan yang kecil mampu menjadi lebih serius. Doktor anda perlu menjalankan pemeriksaan dan mungkin memberi anda antibiotik seawal mungkin untuk melindungi anda daripada jangkitan.

Selepas Pembedahan, Bolehkah Saya Melancong Ke Luar Negara?

Jika anda melawati ke kawasan yang terdapatnya penyakit malaria, anda harus sedia maklum bahawa anda terdedah kepada penyakit malaria yang lebih serius, dan anda mungkin boleh cuba untuk mengelakkan diri daripada kawasan tersebut. Jika anda melawati tempat-tempat sedemikian, sila ambil langkah berjaga-jaga untuk tidak digigit nyamuk (sebagai contoh, sapukan ubat anti nyamuk) dan berjumpa dengan pakar "travel medicine" untuk mendapatkan ubat untuk perlindungan daripada penyakit malaria. Sila mendapat bantuan perubatan segera jika anda mengalami demam dan juga elakkan melawati daerah yang kurang dengan kelengkapan perubatan. Anda juga harus mengambil langkah berjaga-jaga daripada gigitan sengkenit (kutu babi) dan gigitan anjing (elakkan berada di kawasan berumput, berhutan tebal, dan anjing liar, sebagai contoh)

Apakah Langkah Langkah Lain Yang Harus Saya Ambil?

Anda akan diberi kad yang mengandungi maklumat mengenai pembedahan limpa anda, maklumat klinikal dan nombor telefon untuk maklumat lanjut. Anda harus sentiasa membawa kad ini bersama anda kerana ia mengandungi maklumat yang mampu menyelamatkan nyawa anda di waktu kecemasan.